



LAWATAN PERDANA MENTERI PERKUKUH HUBUNGAN KUALA LUMPUR-JAKARTA

Lawatan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob ke Indonesia pada November tahun lalu cukup bermakna dalam konteks menterjemahkan hubungan erat antara kedua-dua buah negara serumpun ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ini merupakan lawatan pertama Perdana Menteri ke luar negara selepas beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kesembilan pada 20 Ogos lalu.

Pada hakikatnya, pemilihan Indonesia sebagai lokasi pertama di rantau ini untuk dilawati menjadi penanda aras yang cukup signifikan dan membuktikan betapa eratnya hubungan dua hala yang sedia terjalin secara tradisi antara kedua-dua buah negara sejak 65 tahun lalu. Ternyata, Perdana Menteri dan Presiden Indonesia, Joko Widodo menggunakan kesempatan yang ada tatkala ancamin pandemik COVID-19 yang semakin berkurangan untuk merealisasikan pertemuan bersejarah ini.

Secara umumnya, lawatan ini juga menzahirkan komitmen pentadbiran Perdana Menteri untuk meneruskan kerangka dasar luar negara yang mesra jiran dengan cara meneruskan dasar *prosper-thy-neighbour* atau makmur bersama jiran, selaras dengan kesedaran bahawa Malaysia dan Indonesia saling bergantung antara satu sama lain. Dasar seperti ini dilihat sangat penting kerana

rantau Asia Tenggara yang mempunyai hampir 700 juta penduduk perlu berganding bahu untuk terus berdepan dengan pelbagai cabaran seperti krisis kesihatan dan ekonomi yang dicituskan oleh COVID-19, krisis perairan di Laut China Selatan, penghapusan kaum Rohingya di Myanmar, konflik bersenjata dan keganasan serta campur tangan kuasa besar seperti AS dan China. Ringkasnya, Keluarga ASEAN perlu mengetepikan segala perbezaan dan konflik antara negara jiran demi kemakmuran bersama rantau ini.

Hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia boleh disifatkan berjalan dengan baik sejak merdeka. Walaupun ada ketikanya hubungan ini ada pasang surutnya, namun semangat ikatan serumpun itu sering kali dapat meredakan keadaan sekali gus mengukuhkan kembali tali persahabatan. Dalam kunjungan pertama ini, peristiwa yang paling mencuri tumpuan adalah sesi pertemuan empat mata antara Dato' Sri Ismail Sabri dan Joko Widodo di veranda Istana Bogor atau juga dikenali *Veranda Talk* yang memberikan gambaran hubungan akrab kedua-dua pemimpin bagi membincangkan isu yang menjadi kepentingan bersama. Hal ini dikatakan demikian kerana pertemuan tersebut dilihat berlangsung dalam suasana

yang cukup mesra dan penuh semangat persaudaraan dalam konteks Keluarga ASEAN dan jiwa serumpun.


Semangat kekitaan yang ditonjolkan itu akhirnya dapat diterjemahkan melalui pelbagai persetujuan bersama yang dicapai dan dimuktamadkan demi kepentingan kedua-dua negara. Sudah tentu antara keputusan dan persetujuan penting yang menggembirakan semua pihak adalah pelaksanaan koridor perjalanan antara kedua-dua negara selepas hampir dua tahun semua perjalanan merentasi sempadan tidak dibenarkan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19.

Pengumuman pelaksanaan *Travel Corridor Arrangement* (TCA) atau *Vaccinated Travel Lane* (VTL) dalam sidang media oleh kedua-dua pemimpin tersebut cukup menggembirakan baik rakyat Malaysia di Jakarta mahupun rakyat Indonesia di Kuala Lumpur. Akhirnya masing-masing mendapat peluang untuk kembali ke tanah air. Sebagai permulaan, inisiatif koridor perjalanan itu akan menghubungkan Kuala Lumpur dengan Jakarta serta Kuala Lumpur dengan Bali melalui jalan udara sebelum boleh ditambah destinasi lain yang menunjukkan risiko yang rendah dengan memberi keutamaan kepada mereka yang divaksinasi penuh bagi kategori pengembara untuk tujuan rasmi, perniagaan, perubahan dan kemanusiaan.

Di samping itu, koridor perjalanan ini juga akan membabitkan pengiktirafan bersama sijil vaksinasi COVID-19 dan standard keputusan ujian saringan reaksi rantai polimerase (PCR) COVID-19. Manakala bagi meredakan kekhawatiran rakyat Indonesia tentang penularan varian Delta Plus di Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri juga telah memberikan jaminan bahawa negara mempunyai kadar vaksinasi dan standard pencegahan jangkitan COVID-19 yang tinggi sekali gus dapat memastikan projek koridor perjalanan dengan Indonesia berjalan dengan lancar dan selamat.

Ironinya, pembukaan semula sempadan secara kaedah yang selamat adalah penting dalam mengimbangi antara keperluan membuka serta membangunkan semula ekonomi dan menjaga aspek keselamatan serta kawalan kesihatan awam di rantau ini. Selain itu, satu lagi hasil lawatan yang penting adalah pemeteraian dua memorandum persefahaman (MoU) di antara kerajaan Malaysia dengan pemerintah Indonesia mengenai kerjasama dalam bidang pendidikan serta kerjasama dan bantuan bersama dalam perkara berkaitan kastam. Kedua-dua MoU ini bakal mewujudkan kerjasama strategik untuk meningkatkan kualiti pendidikan serta mempermudah urusan berkaitan kastam antara kedua negara.

Pada masa yang sama, aspek pelaburan swasta Malaysia di Indonesia juga turut mendapat perhatian apabila sektor swasta terus meningkatkan pelaburan di Indonesia terutamanya dalam sektor hartanah dan pengangkutan melalui lima MoU dan perjanjian bernilai A.S.\$3.1 bilion (RM12.87 bilion) yang berjaya dimeterai ketika sesi lawatan ini. Tuntasnya, Indonesia adalah rakan perdagangan dan pelaburan yang penting dan strategik bagi Malaysia dengan jumlah perdagangan dua hala berjumlah A.S.\$15.67 bilion (RM65.06 bilion) pada 2020, malah sehingga suku kedua 2021, jumlah pelaburan Malaysia di Indonesia adalah sebanyak A.S.\$12.53 bilion (RM52.02 bilion) dan pelaburan Indonesia di Malaysia AS\$1.16 bilion (RM4.82 bilion). Bagi merencanakan lagi sektor ekonomi melalui perkongsian kepakaran, Perdana Menteri juga menggunakan kesempatan lawatan ini untuk memohon kerajaan Indonesia melibatkan usahawan



Pembukaan sempadan membangunkan semula ekonomi negara.

Malaysia dalam rancangan pembangunan ibu kota baharunya di Kalimantan. Sudah tentu pengalaman dan kepakaran Malaysia yang telah memindahkan pusat pentadbiran daripada Kuala Lumpur ke Putrajaya dapat dikongsi bersama untuk manfaat negara jiran yang cukup rapat dengan kita.

Antara perkara lain yang turut mendapat perhatian serta mewujudkan persefahaman bersama adalah berkaitan potensi pelaburan Malaysia di Kalimantan Timur, penyenaian bersama warisan kebudayaan Malaysia dan Indonesia ke UNESCO, perlindungan dan kebajikan tenaga buruh Indonesia di Malaysia, komitmen untuk mencapai penyelesaian bagi memuktamadkan pembatasan sempadan maritim, serta pelbagai lagi isu serantau dan antarabangsa termasuk isu Rohingya dan Myanmar serta Laut China Selatan. Jaminan bahawa Malaysia akan terus memelihara kebajikan dan perlindungan rakyat Indonesia yang bekerja di Malaysia misalnya merupakan antara komitmen penting yang mampu terus memperkukuhkan hubungan rapat kedua negara.

Satu lagi peristiwa penting yang turut berlaku ketika sesi lawatan ini termasuklah pertemuan Perdana Menteri dengan Ketua-ketua Editor Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia-Indonesia (ISWAMI) untuk mengeratkan lagi hubungan selain memupuk persefahaman lebih baik antara kedua-dua negara. Dalam Sesi Meja Bulat yang diadakan, peserta dapat bertukar pandangan mengenai hubungan dua hala sekali gus telah membuka ruang kepada pengamal media Indonesia untuk mengenali dengan lebih rapat personaliti Perdana Menteri Malaysia yang baharu.

Sudah tentu pertemuan yang berlangsung dalam suasana yang cukup mesra ini dapat mengangkat peranan pengamal media dalam membantu mewujudkan hubungan yang harmonis antara kedua negara. Dalam hal ini, agensi berita rasmi Malaysia, Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) dan Perusahaan Umum Lembaga Kantor Berita Nasional ANTARA di Indonesia juga turut menandatangani MoU untuk mempertingkatkan perkongsian berita dan maklumat menerusi pelbagai platform media demi manfaat bersama.

Lawatan ke Fasiliti Industri Ketenteraan Indonesia di PT Pindad, Bandung pada hari terakhir lawatan pula membuka peluang dan ruang yang lebih strategik untuk mewujudkan kerjasama dalam bidang ketenteraan antara kedua-dua buah negara. Sebagai negara jiran dan rakan serantau kerjasama dalam bidang ketenteraan adalah sangat signifikan terutamanya dalam konteks mempertahankan keutuhan wilayah, hak kedaulatan dan kepentingan negara masing-masing di samping memastikan keselamatan rantau ini sentiasa terjamin dan terpelihara.

Secara umumnya, lawatan rasmi ini telah membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala yang sedia kukuh antara Malaysia dengan Indonesia dan menjadi platform penting kepada kedua-dua pemimpin untuk meneroka peluang kerjasama dalam merangka dan melaksanakan usaha pemulihan daripada kesan pandemik COVID-19.

Tuntasnya, kita boleh merumuskan lawatan sulung selama tiga hari Perdana Menteri ke Indonesia atas undangan Presiden Jokowi ini bukan sahaja berjaya dan mencapai matlamatnya, tetapi turut membuka peluang untuk memperkukuh dan mempertingkatkan lagi persefahaman dan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia. Semoga semangat ikatan serumpun yang diterjemahkan dan ditonjolkan oleh kekraban hubungan antara Malaysia dan Indonesia ini mampu menjadi pemangkin dalam kita memacu kejayaan serantau melalui semangat Keluarga ASEAN. Semangat ini penting bagi mewujudkan kerjasama antara semua negara ASEAN supaya dapat menangani semua cabaran yang mampu menjejaskan keamanan, pertumbuhan dan kemakmuran rantau ini.